

Sukan Staf UMS medan wujud keakraban antara kakitangan

UB 13-4-2017 A14

KOTA KINABALU: Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-16 yang berlangsung baru-baru ini mampu menjadi medan dalam mewujudkan jalinan akrab serta memupuk semangat bekerja dalam satu pasukan yang amat penting dalam sesebuah organisasi.

Pendaftar UMS No'man Ahmad berkata, selain merupakan acara tahunan universiti, Sukan Staf UMS juga dilihat sebagai kaedah meningkatkan interaksi antara kakitangan melalui sukan selain menerapkan amalan gaya hidup sihat.

"Universiti sememangnya menitikberatkan pembudayaan sukan yang mampu menyumbang terhadap peningkatan produktiviti kakitangan, di samping membentukkan semangat berpasukan dan semangat juang tinggi yang kemudiannya diaplikasikan di jabatan masing-masing dalam tugas seharian.

"Diharapkan ikatan yang terjalin dalam kejohanan sukan ini tidak terhad dalam pertandingan sahaja tetapi kemesraan itu perlu diteruskan pada masa-masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Perasmian Sukan Staf UMS Ke-16, yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof di Dewan Taekwondo, UMS.

Dalam pada itu, Prof. Shahril dalam ucapannya mencadangkan agar beberapa sukan baharu disenaraikan pada edisi akan datang, yang akan mengetengahkan kelebihan landskap EcoCam-



SHAHRIL (tengah) menyempurnakan simbolik perasmian Kejohanan Sukan Staf UMS.



SUKAN futsal antara yang dipertandingkan.

pus UMS.

"Sukan Triathlon misalnya boleh dipertimbangkan kerana melalui acara ini peserta boleh berenang di laut sebelum tiba di Pantai ODEC,

dan kemudiannya berbasikal di sekitar kawasan kampus UMS yang berbukit.

"Ini sekali gus dapat mengetengahkan setiap elemen keindahan yang dimiliki oleh EcoCampus UMS," ujar

beliau.

Pada kejohanan itu, kontinjen Super 7 cemerlang apabila menduduki tangga teratas dalam pungutan pingat keseluruhan, dengan kutipan empat emas, lima perak dan satu gangsa.

Pingat emas kontinjen berkenaan disumbang melalui sukan 8 Baton Road Run, Bola Sepak 7 Sebelah (Veteran), Bola Sepak 9 Sebelah dan Bola Tampar Wanita.

Lapan pasukan bersaing pada kejohanan dua hari itu, iaitu kontinjen Super 7, The Legend, 1Kal, FPL Warrior, Twin Tower, Science United, D'Arts dan Royal Esteem.



SHAHRIL melepaskan larian 8 Baton Road Run.



AKSI bola jaring dalam kejohanan Sukan Staf UMS.